**www.matrade.gov.my**



MATRADE merupakan agensi promosi perdagangan Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) yang terlibat secara langsung di dalam menjadikan Malaysia sebagai negara pengeksport utama dunia dan berperanan untuk membantu syarikat Malaysia membangun dan mengembangkan pasaran eksport Negara.

Individu-individu yang berkelayakan, berdaya saing, berwawasan, berfikiran dinamik dan yang mempunyai keyakinan yang tinggi serta boleh menyumbang ke arah kecemerlangan, dijemput untuk mengisi kekosongan jawatan di Perbadanan ini.

MATRADE

# PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)

## A. JAWATAN KONTRAK

| Bil | Jawatan / Gred | Skala Gaji | Elaun Tetap | Cuti Rehat Tahunan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41 | P1T1 – P1T27 RM1,693.06 – RM4,643.06 | ITKA : RM 300<br>ITP : RM 250<br>BSH : RM 300<br>BIPK : 5% daripada gaji pokok | 25 hari |
| 2. | Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 | P1T1 – P1T25 RM1,899.01 – RM4,715.47 | ITKA : RM 300<br>ITP : RM 250<br>BSH : RM 300 | 25 hari |
| 3. | Juruteknik Gred J17 | P1T1 – P1T26 RM843.06 – RM2,325.37 | ITKA : RM 115<br>ITP : RM 180<br>BSH : RM 300 | 20 hari |

ITKA : Imbuhan Tetap Keraian Awam
ITP : Imbuhan Tetap Perumahan
BSH : Bantuan Sara Hidup
BIPK: Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

## B. SYARAT-SYARAT

1. **Pegawai Ehwal Ekonomi, Gred E41**
   a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   e) Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
   f) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
   g) Ahli Penuh Institusi Akauntan Malaysia; dan
   h) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan oleh Kerajaan.

   ***Deskripsi Tugas***
   Bertanggungjawab membantu menguruskan aktiviti-aktiviti promosi perdagangan serta membantu menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan khidmat sokongan yang telah ditetapkan oleh MATRADE.

2. **Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F41**
   a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   b) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   c) Ijazah Sarjana dalam Sains Komputer, Teknologi Maklumat atau Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   d) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat atau Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
   e) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   ***Deskripsi Tugas***
   Mempunyai pengetahuan dan memahami konsep pengurusan pangkalan data (Database Management System). Mempunyai kemahiran penggunaan Bahasa Pertanyaan Berstruktur (SQL). Bertanggungjawab mereka bentuk, membangun, mentadbir, membuat analisis keberkesanan dan menyelenggara pangkalan data. Melaksanakan pengurusan pangkalan data, menentukan kawalan keselamatan, integriti dan memantau prestasi pangkalan data serta sistem.

3. **Juruteknik, Gred J17**
   a) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
   b) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

   ***Deskripsi Tugas***
   Membantu dalam pengurusan keseluruhan kerja-kerja teknikal, penyelenggaran serta perkhidmatan bangunan khasnya berkaitan elektrikal dan elektronik di Menara MATRADE.

## C. RAWATAN PERUBATAN

| Taraf | Kelayakan |
|---|---|
| Kontrak | Rawatan perubatan di Hospital Kerajaan dan juga Panel-Panel Klinik yang dilantik oleh MATRADE untuk pegawai / kakitangan sahaja. |

## D. KEMUDAHAN PINJAMAN

| Taraf | Jenis Pinjaman |
|---|---|
| Kontrak | a) Kenderaan<br>b) Komputer |

## E. SYARAT-SYARAT LAIN

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang mahir dalam penggunaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta mempunyai kemahiran di dalam penggunaan komputer.

## F. TEMPOH KONTRAK

Tempoh pelantikan untuk semua calon-calon yang dilantik **secara kontrak** adalah selama **2 tahun** tertakluk kepada prestasi kerja yang memuaskan.

## G. KELAYAKAN

1. **Terdiri daripada warganegara Malaysia.**
2. **Calon-calon lantikan hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
3. **Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.**

## H. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dimohon melalui laman web:

**www.jobsmalaysia.gov.my**

## I. TARIKH TUTUP

Tarikh tutup permohonan: **17 Julai 2009**

## J. CATATAN AM

1. Sebarang permohonan yang tidak lengkap, tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya.
2. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan / senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ujian bertulis dan / atau temuduga.
3. **Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh pihak MATRADE.**
4. **Pemohon yang mempunyai kelayakan ijazah dari Institusi Luar Negara dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah mengemukakan surat pengiktirafan dari pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).**

star, mingguan.malaysia * 6 col (19.5 cm) x 37 cm